



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

**PERBILANGAN ADAT: SATU KAJIAN DARI  
ASPEK HUKUM ADAT**

oleh

**ROSSILAH BINTI BAKAR**

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi  
sebahagian keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian)  
pada sesi 1993/94.

Penyella

26 APR. 1994

Tarikh

Ketua

Jabatan Persuratan Melayu

26 APR. 1994

Tarikh

PERBILANGAN ADAT: SATU KAJIAN DARI  
ASPEK HUKUM ADAT

oleh  
ROSSILAH BINTI BAKAR


Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat memperolehi  
Ijazah Sarjanamuda Sastera  
dengan Kepujian

Jabatan Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor  
Sesi 1993/94

### PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 26 APR. 1994.



---

Rossilah/bt. Bakar  
32138

## PENGHARGAAN

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi  
Maha Penyayang)

Segala puji-pujian kepada-Nya, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Alhamdulillah, dengan taufik dan hidayahnya telah dapat saya mengakhiri penulisan latihan ilmiah dalam bentuk yang seperti ini. Penulisan ini tidak akan selesai seperti yang direncanakan tanpa adanya bantuan moral dan material dari berbagai pihak yang dapat menolong saya bagi mengatasi berbagai kesulitan. Dari itu kepada semua pihak yang terlibat, saya menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Encik Mohd. Yusof Md. Nor yang telah sudi menjadi Penyelia latihan ilmiah ini. Berbagai nasihat, petunjuk dan bimbingan yang mengesankan dari beliau telah banyak membantu dan mendorong saya dalam meneliti dan menulis latihan ilmiah ini. Saya doakan semoga Allah memberi ganjaran yang berlipat ganda ke atas setiap bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan. Kepada pensyarah-pensyarah dan rakan sejawat yang sering membantu dan meluangkan masa sewaktu di kampus, saya doakan moga-moga bakti mereka diberkati Allah.

Sehubungan dengan itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak perpustakaan di Tun Seri Lanang, perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu dan perpustakaan Jabatan Persuratan Melayu kerana sudi bekerjasama dan memberi bantuan kemudahan untuk saya menggunakan bahan-bahan di perpustakaan.

Dan kepada seluruh keluarga terutama pada mak, ayah dan along serta mereka yang membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk melaksanakan latihan ilmiah ini, berbanyak terima kasih. Semoga semua jenis bantuan, harapan dan doa dari semua pihak akan mendapat balasan yang berlipat kali ganda dari Allah Yang Maha Pemurah. Amin!.

ROSSILAH BINTI BAKAR  
NO. 4, LRG. MEGAH 11/A,  
TAMAN MEGAH CHERAS,  
43200 BATU 10, KAJANG  
SELANGOR DARUL EHSAN.

## SINOPSIS

Latihan ilmiah ini terbahagi kepada 5 bab. Kajian ini membuat analisis terhadap sejarah perkembangan Adat Perpatih, aspek-aspek yang terkandung dalam hukum adat, lembaga musyawarah adat dan juga konsep keadilan yang terdapat dalam Adat Perpatih. Bab I mengungkapkan mengenai sejarah perkembangan Adat Perpatih dan konsep-konsep yang berkaitan dengan perbilangan adat. Bab II pula ialah analisis mengenai aspek hukum adat yang asas. Aspek yang disentuh termasuklah tentang undang-undang harta dan pusaka, hukum jenayah, hukum tentang berkedim, hukum perkahwinan dan hukum orang semenda dan tempat semenda. Dalam bab III pula dijelaskan fungsi ketua-ketua adat dalam hukum adat yang terlaksana dalam Adat Perpatih. Tugas dan tanggungjawab ketua-ketua adat itu pula dipecahkan kepada beberapa peringkat kepimpinan. Bab IV dibentangkan aspek-aspek keadilan yang berkaitan dengan hukuman dan penebusan. Keadilan dikatakan dapat terjamin bila penyelesaian dibuat berdasarkan muafakat. Penilaian dan kesimpulan keseluruhan dilakukan dalam bab V.

## KANDUNGAN

|                                                                  | Halaman |
|------------------------------------------------------------------|---------|
| PENGAKUAN                                                        | ii      |
| PENGHARGAAN                                                      | iii     |
| SINOPSIS                                                         | iv      |
| KANDUNGAN                                                        | v       |
| SENARAI SINGKATAN                                                | vii     |
| PENDAHULUAN                                                      | viii    |
| <b>BAB I      LATAR BELAKANG BUDAYA DAN KONSEP</b>               |         |
| 1.0.      Pengenalan                                             | 1       |
| 1.1      Latar Belakang Budaya                                   | 1       |
| 1.2      Konsep Perbilangan Adat                                 | 16      |
| 1.3      Klasifikasi Perbilangan Adat                            | 21      |
| 1.3.1.      Metos dan Lagenda                                    | 22      |
| 1.3.2.      Kata-kata Istiadat                                   | 23      |
| 1.3.3.      Undang-undang                                        | 24      |
| 1.3.4.      Kata-kata Falsafah                                   | 25      |
| 1.4.      Rumusan                                                | 26      |
| <b>BAB II      ASPEK-ASPEK HUKUM ADAT DALAM PERBILANGAN ADAT</b> |         |
| 2.0      Pengenalan                                              | 27      |
| 2.1.      Hukum Adat                                             | 29      |
| 2.2      Hukum Adat Dalam Masyarakat Adat Perpatih.              | 31      |
| 2.3.      Klasifikasi Hukum Adat Perpatih                        | 33      |
| 2.3.1.      Undang-undang Harta dan Pusaka.                      | 33      |
| 2.3.2.      Hukum Jenayah                                        | 44      |

|        |                                          |    |
|--------|------------------------------------------|----|
| 2.3.3. | Hukum Tentang Berkedim                   | 47 |
| 2.3.4. | Hukum Perkahwinan                        | 52 |
| 2.3.5. | Hukuman Orang Semenda dan Tempat Semenda | 64 |
| 2.4    | Rumusan                                  | 69 |

### **BAB III LEMBAGA MUSYAWARAH ADAT**

|        |                           |    |
|--------|---------------------------|----|
| 3.0.   | Pengenalan                | 71 |
| 3.1.   | Lembaga Musyawarah Adat   | 72 |
| 3.1.1. | Lembaga Musyawarah Rumpun | 76 |
| 3.1.2. | Lembaga Musyawarah Ruang  | 78 |
| 3.1.3. | Lembaga Musyawarah Perut  | 81 |
| 3.1.4. | Lembaga Musyawarah Suku   | 84 |
| 3.1.5. | Lembaga Musyawarah Luak   | 88 |
| 3.1.6. | Lembaga Musyawarah Negeri | 90 |
| 3.2.   | Rumusan                   | 94 |

### **BAB IV KEADILAN DALAM HUKUM ADAT**

|        |                                    |     |
|--------|------------------------------------|-----|
| 4.0.   | Pengenalan                         | 96  |
| 4.1.   | Keadilan Dalam Hukum Adat Perpatih | 97  |
| 4.1.1. | Keadilan Di luar Pengadilan        | 100 |
| 4.1.2. | Keadilan Di muka Pengadilan        | 104 |
| 4.1.3. | Keadilan Dalam Agama               | 109 |
| 4.2.   | Rumusan                            | 112 |

### **BAB V KESIMPULAN**

## SENARAI SINGKATAN

|         |   |                                                                   |
|---------|---|-------------------------------------------------------------------|
| JMBRAS  | - | Journal of Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. |
| hlm.    | - | halaman                                                           |
| Ibid.   | - | ibidem, bermaksud pada tempat yang sama                           |
| et. al. | - | lebih daripada tiga pengarang                                     |
| t.t.    | - | tanpa tarikh.                                                     |
| Jil.    | - | Jilid.                                                            |
| Bil.    | - | Bilangan.                                                         |



## PENDAHULUAN 1

### 1 Tujuan Kajian

Interpretasi yang tidak tepat dan tidak betul telah menyebabkan timbulnya beberapa kekeliruan dan salah faham terhadap maksud yang tersembunyi dalam bait-bait perbilangan adat. Hal ini telah menyebabkan timbul beberapa tafsiran dan konsep yang salah dari anggapan yang tidak sihat terhadap Hukum Adat.

Oleh kerana soal undang-undang dalam sesebuah masyarakat adalah penting untuk menentukan arah kemajuan dan perubahan masyarakat itu maka masyarakat Adat Perpatih harus mengenal dan mengetahui arah dan pola undang-undang yang wujud dalam komunitinya. Lantaran itu, tujuan utama kajian ini ialah untuk melihat perbilangan adat yang wujud dalam masyarakat Adat Perpatih tradisional dalam konteks Hukum Adat. Dari gambaran Hukum Adat ini kita dapat menyelami jiwa, pemikiran dan falsafah serta cara hidup masyarakat tersebut.

### 2. Skop Kajian

Topik mengenai perbilangan adat adalah terlalu luas. Oleh itu, penulis hanya membataskan kajian kepada permasalahan Hukum Adat dalam masyarakat Adat Perpatih. Namun demikian penulis tidak menghadkan kajian kepada

kawasan yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Satu penulisan menyeluruh yang menyentuh perbilangan adat di Negeri Sembilan dan Naning merupakan skop kajian ini.

### 3. Permasalahan Kajian

Masalah yang timbul dalam masyarakat Adat Perpatih sendiri terutamanya masyarakat di luar Adat Perpatih ialah kurangnya pengetahuan mereka tentang aspek dari Hukum Adat tersebut. Untuk memahaminya seseorang itu perlu memahami perjalanan sistem Adat Perpatih itu sendiri atau melakukan penelitian dan kajian dengan wajar dan mendalam demi mengelakkan sebarang kekeliruan terhadap persoalan-persoalan yang diutarakan di dalamnya. Oleh itu, kajian ini sekurang-kurangnya hendak menyelesaikan permasalahan yang wujud dalam menilai dan mentafsir perbilangan adat yang berkaitan dengan Hukum Adat itu.

Antara permasalahan kajian itu ialah:

- i) Untuk melihat bentuk masyarakat yang mewujudkan Hukum Adat tersebut berdasarkan dari sejarah perkembangannya.
- ii) Mengenalpasti bentuk-bentuk hukum adat yang terdapat dalam perbilangan adat.

- iii) Mengenalpasti siapa pemimpin dalam komuniti masyarakat Adat Perpatih.
- iv) Mengenalpasti kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh ketua-ketua adat dalam konteks Hukum Adat.
- v) Cuba menilai sejauhmana pimpinan mereka kepada komuniti masyarakat Adat Perpatih berdasarkan sistem keadilannya.

#### 4. Kaedah Kajian

Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan perpustakaan. Dalam hal ini, penulis telah membuat pembacaan terhadap penemuan-penemuan perbilangan adat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kesemua bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian telah diteliti dan dianalisis terutamanya puisi-puisi perbilangan adat yang berkaitan dengan Hukum Adat yang menjadi permasalahan kajian. Penganalisaan terhadap perbilangan adat melibatkan juga proses penafsiran dengan melihat pemikiran masyarakat tradisi seperti yang diungkapkan di dalamnya. Dengan ini, penganalisaan yang wajar dapat dilakukan terhadap Hukum Adat berdasarkan dari perbilangan adat itu tadi.

## 5. Kajian Lepas

Meskipun telah banyak kajian-kajian mengenai Adat Perpatih telah dihasilkan tetapi kajian tersebut lebih cenderung kepada adat istiadat masyarakat Adat Perpatih. Antaranya adat-istiadat perkahwinan, pemilihan dan perlantikan Penghulu, adat berkedim dan sebagainya.

Di antara penulis-penulis barat yang mengkaji Adat Perpatih ialah seperti G.A. de Moubray (1931) dalam bukunya Matriachy in the Malay Peninsular and neighbouring countries; Josselin de Jong (1952) dalam Minangkabau and Negeri Sembilan; E.N. Taylor (1929) dalam "Customary law of Rembau" dan sebagainya. Manakala penulis-penulis tempatan adalah seperti Abdul Rahman Hj. Mohammad (1964) dalam bukunya Dasar-dasar Adat Perpatih; Mohamed Din Ali (1957) dalam Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu; Nordin Selat (1982) dalam Sistem Sosial Adat Perpatih, Norhalim Hj. Ibrahim (1993) dalam Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung dan lain-lain. Di sini jelas menunjukkan terlalu sedikit kajian yang khusus tentang undang-undang dalam perbilangan adat yang menyentuh tentang aspek Hukum Adat itu sendiri.



**BAB IV**

## BAB IV

### KEADILAN DALAM HUKUM ADAT

#### 4.0 Pengenalan

Dalam Adat Perpatih, selain dari pentadbiran yang disusun sebegitu rupa, maka dalam menjalankan keadilan adalah satu hal yang amat dititikberatkan supaya hukuman yang dikenakan kepada seseorang yang melakukan kesalahan itu benar-benar adil, dan kepada mereka yang dihukum itu merasakan bahawa hukuman yang diterimanya itu adalah adil dan patut menurut kesalahannya. Pepatah ada menyebut:

Ibarat menarik rambut dalam tepung

Rambut jangan putus

Tepung jangan berserak

Pepatah ini amat jelas menunjukkan bentuk dan cara seseorang ketua adat itu harus bertindak dalam menyelesaikan sesuatu sengketa di kalangan anak buahnya dan cara-cara hukuman dijalankan. Mereka mestilah berpegang teguh kepada kebenaran yang tidak boleh diubah-ubah.<sup>110</sup>

---

<sup>110</sup>Abdul Samad Idris, "Kemurniaan Dalam Adat Perpatih", Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 10 - 12hb April.

Seperti kata perbilangan:

Menghukum adil berkata benar

Tidak boleh berpihak-pihak

Hukum adil dijalankan

Nan benar dianjak tidak

Dalam soal berpegang teguh kepada kebenaran juga jelas disebutkan dalam kata-kata adatnya,

Berani kerana benar

Takut kerana salah

#### 4.1 Keadilan Dalam Hukum Adat Perpatih

Keadilan bolehlah disifatkan sebagai perbuatan menetapkan ataupun menyelesaikan apakah sesuatu hal itu sesuai dengan hukum.<sup>111</sup> Pengadilan yang berlaku di kalangan masyarakat Adat Perpatih pula berupa penyelesaian yang bersifat perdamaian dan permuafakatan. Hal ini menunjukkan bahawa asas kekeluargaan dan kerukunan dan pergaulan hidup masih tetap merupakan keperibadian masyarakat Adat Perpatih yang lebih suka hidup dalam rukun dan damai daripada berlaku perselisihan yang berpanjangan. Dengan yang demikian keadilan yang berasaskan perdamaian dapat berlaku sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum adat.

---

<sup>111</sup>Hilman Hadikusuma S.H., Hukum Ketatanegaraan Adat, Penerbit Alumni, Bandung, 1981, hlm. 131.

Sistem keadilan dalam Adat Perpatih pula boleh dikategorikan kepada tiga jenis hukuman dan penebusan mengikut beratnya.<sup>112</sup>

a. Gali Urat

Ini adalah hukuman paling berat, iaitu hukum buang dari kampung untuk selama-lamanya. Bagi seseorang yang telah melakukan pembunuhan, mungkin juga diberi pilihan untuk menebus jenayahnya dengan menyerah diri kepada perut atau suku mangsanya sebagai ganti seumur hidup. Jika nasibnya baik, dia akan diperlakukan sebagai seorang anak. Jika tidak, dia menjadi khadam tak bergaji seumur hidup.

b. Buang Batang

Sebagaimana dibayangkan oleh namanya, ini tidak melibatkan pencabutan akar umbi seseorang dari kampung atau kumpulannya, tetapi hanya pembersihan dari jenayah itu supaya dia dapat diterima kembali ke dalam masyarakat. Ini adalah penebusan bukan hukuman. Orang yang bersalah itu dikehendaki menyembelih seekor kerbau atau kambing, bertanak nasi dan mengadakan kenduri menjamu seisi kampung. Dengan disaksikan oleh segala yang hadir, dia meminta ampun atas kesalahannya menerusi

---

<sup>112</sup>Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 138.



upacara menyembahkan tepak sirih, yang diedarkan kepada semua hadirin. Jika dia enggan melakukan penebusan ini, hukumannya dibuang dari kampung.

### c. Getis Pucuk

Sebagaimana jelas dari namanya, ini adalah penebusan paling ringan, untuk kesalahan-kesalahan kecil. Kata perbilangan Adat:

Salah pagi menyembah petang

Salah petang menyembah pagi

"Menyembah" ialah tanda bertaubat dan minta ampun. Ia harus dilakukan secepat mungkin, supaya renggang tidak semakin renggang menjadi jurang. Selepas "menyembah", kesalahan itu harus diampunkan dan dikikis dari ingatan, dan kedua pihak itu berbaik semula seperti sedia kala. Variasi-variasi kepada pelbagai hukuman dan penebusan di atas termasuklah pembuangan kerja, perampasan harta, pembayaran ganti rugi dan denda.

Oleh itu satu perkara yang unik dalam peraturan sistem pentadbiran Hukum Adat Perpatih ialah bagaimana mereka menyusun masyarakatnya ke arah perpaduan dengan peraturan yang sangat menarik. Ia dapat dianggap sebagai satu susunan pentadbiran yang sangat cekap, berdisiplin, teratur dan adil. Keadilan yang wujud dalam pentadbiran

hukum adat itu pula boleh dilihat dari tiga aspek iaitu keadilan di luar pengadilan, keadilan di muka pengadilan dan keadilan mengenai agama.

#### 4.1.1 Keadilan Di Luar Pengadilan

Pengadilan yang berlaku di kalangan masyarakat Adat Perpatih yang berupa penyelesaian yang tidak dikemukakan kepada Undang dan Lembaga dinamakan keadilan di luar pengadilan. Ia biasanya melibatkan kes-kes kecil yang berlaku di peringkat rumpun, ruang dan juga di peringkat perut yang sama.<sup>113</sup>

Kes-kes kecil dan kes-kes yang melibatkan perut yang sama itu biasanya dibicarakan oleh Buapak iaitu ketua perut. Lingkungan perbicaraan Buapak terhad kepada kesalahan-kesalahan yang memerlukan penyembelihan seekor kambing untuk kenduri penebusan dan penyelesaian.

Oleh itu kerana mereka pada peringkat ini mempunyai pertalian persaudaraan iaitu bukan orang lain maka mereka enggan sekali mencari siapa yang salah siapa yang benar, siapa yang kalah siapa yang menang. Mereka lebih suka berdua-dua pihak yang berselisihan faham itu "berjabat tangan" sebagai tanda perdamaian.

---

<sup>113</sup>Ibid., hlm. 136.

Menang berkecubang  
 Alah berketundukan  
 Seraya berjabat tangan

Penyelesaian dicari dengan cara mengajak pihak yang terlibat dalam perselisihan itu bermusyawarah supaya kedua-duanya kembali berdamai. Penyelesaian secara damai ini dipandang perlu untuk menghilangkan rasa dendam di antara satu sama lain, di samping untuk menjamin kerukunan hidup mereka. Hal ini bererti bahawa sekiranya masyarakat dapat menerima dan menyelesaikannya secara damai, maka Buapak tidak perlu lebih lanjut memeriksa dan mengadilinya. Oleh kerana perselisihan diselesaikan atas tanggungjawab mereka sendiri secara damai maka tidak perlu ada keputusan hukum dari Buapak. Prinsip penyelesaian seperti ini disebut oleh perbilangan adat sebagai:

Buruk dibaiki  
 Kusut diselesaikan  
 Gaduh di hulu dihului  
 Gaduh di hilir dihiliri  
 Gaduh di tengah dihampiri.

Walau bagaimanapun, dengan penyelesaian damai itu tidak bererti berakhir dan selesainya perkara perselisihan itu. Adakalanya Buapak perlu campur tangan dalam urusan perdamaian tersebut. Walau bagaimana...

sukarpun jalan penyelesaian itu, Buapak terpaksa juga mencari jalan untuk perdamaian. Ini bagi mengelakkan berlakunya perpecahan dalam keluarga perut tersebut.

Sesat ke hujung jalan  
Balik ke pangkal jalan  
Sesat ke hujung kata  
Balik ke pangkal kata

Bidang kuasa Buapak adalah ke atas segala kesalahan yang merosakkan kedamaian perutnya, termasuk pergaduhan yang dikatakan sebagai:

Luka congek  
Pecah berdarah  
Cacat cida  
Sawan gila

Maksudnya kalau kesalahan itu kecil maka dendanya tentulah ringan. Misalnya kalau seseorang itu bergaduh hingga menyebabkan "luka congek" yakni luka yang ringan sahaja, maka dendanya bukanlah seekor kambing. Boleh jadi seekor ayam dan mungkin berselesai dengan bermaaf-maafan sahaja.

Buapak juga berkuasa ke atas luka-luka yang terkena pada bahagian badan yang tertutup oleh pakaian. Kejadian-kejadian yang melibatkan patah atau cacat

anggota adalah di luar bidang kuasa Buapak untuk menyelesaikannya. Oleh sebab Buapak yang mengepalai istiadat nikah kahwin maka jika berlaku perceraian, adalah tugasnya juga untuk melihat yang perwarisan harta berjalan lancar.<sup>114</sup>

Dalam kes-kes seperti itu, Buapak bertindak sebagai orang tengah dalam rangka memperbaiki hubungan baik antara kedua belah pihak agar satu sama lain tidak saling berdendam. Dalam penyelesaian itu, Buapak memastikan institusi perut itu tidak rosak.

Ular dipalu biar mati

Kayu pemalu jangan patah

Tempat pemalu jangan lembang

Penyelesaian dalam masyarakat Adat Perpatih sentiasa diikuti dengan kenduri. Kenduri ini dihadiri oleh pihak-pihak yang terlibat dan saudara mara sekalian. Dengan kehadiran mereka beramai-ramai ini mereka secara kolektif bersetuju atas sebarang penyelesaian yang telah dibuat. Selepas kenduri, "yang sudah-sudah itu dilupai". Keutuhan perut pun terjamin.<sup>115</sup>

---

<sup>114</sup>Norhalim Hj. Ibrahim, Adat Perpatih : Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temengong, hlm. 114 - 115.

<sup>115</sup>Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 111 - 112.

#### 4.1.2 Keadilan Di Muka Pengadilan

Keadilan di muka pengadilan biasanya melibatkan kes-kes yang lebih besar dan berat. Ia berkait dengan kes-kes yang dilakukan oleh anggota-anggota satu suku tetapi berlainan perut dan juga anggota-anggota suku yang berlainan di dalam sesuatu luhak. Ia biasanya dibicarakan oleh ketua suku iaitu Lembaga. Lingkungan pembicaraan Lembaga terhad kepada kesalahan-kesalahan yang paling tinggi memerlukan penyembelihan seekor kerbau bagi kenduri penebusan dan penyelesaian. Manakala di peringkat luhak pula dibicarakan oleh Undang. Di Luhak Tanah Mengandung, iaitu di luhak-luhak yang di bawah pengaruh Yang Dipertuan Besar, ketua-ketua luhak yang bergelar Penghulu membawa kes-kes demikian kepada baginda untuk dibicarakan.

Perbezaan yang ketara dalam keadilan di muka pengadilan dengan keadilan di luar pengadilan ialah terdapatnya Dewan Keadilan yang digunakan untuk menyelesaikan kes-kes yang berlaku. Dewan Keadilan itu dianggotai oleh "Lembaga Tiang Balai" dengan diketuai oleh Undang. Kekuasaan wakil-wakil adat tersebut telah ditentukan seperti berikut.<sup>116</sup>

---

<sup>116</sup>Shamsul Amri Baharuddin, "Politik Adat Perpatih", Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia, Negeri Sembilan, 10 - 12hb. April 1974, hlm. 8.

Kata bercari kepada Lembaga  
 Sah batal kepada Undang  
 Hidup mati kepada keadilan  
 Tali pengikat kepada Lembaga  
 Keris penyalang kepada Undang  
 Pedang pemancung kepada keadilan

Dalam hal-hal jenayah, Lembaga hanya boleh menyelesaikan kes-kes kecil sahaja seperti:

Membuta mata  
 Mematah tulang  
 Memutus urat

Dalam kes-kes yang besar dan berat, Lembaga berfungsi sebagai polis sahaja iaitu menyiasat, menangkap dan membawa pesalah ke pihak Undang atau Yamtuan. Beberapa hal mesti dihakimkan oleh Undang. Hal-hal ini ialah:

Derhaka, celaka  
 Dahaga, dahagi  
 Rumpun, bakar  
 Tikam, bunuh

Kesalahan-kesalahan ini dikatakan "pantang Undang" dan tidak boleh diadilkan melainkan oleh Undang sendiri. Kesalahan-kesalahan ini dianggap berat kerana diantaranya

jika dibiarkan akan membinasakan masyarakat Adat Perpatih. Umumnya Undang menghakimkan kesalahan-kesalahan yang terpaksa dijatuhkan hukum mati, buang negeri, rampas harta, pemecatan dari jawatan Adat dan denda yang berjumlah satu bahara.<sup>117</sup> Dalam peranannya sebagai hakim, Undang mestilah berpegang pada Adat. Tetapi dia boleh menggunakan budi bicaranya sendiri, meringankan hukuman, memaafkan yang bersalah dan sebagainya. Kata perbilangannya:

Sumbing boleh dititik

Patah boleh digempal

Walau bagaimanapun, sebelum membuat sesuatu keputusan atau menjatuhkan hukuman, dia harus mendapatkan nasihat dari Majlis Lembaganya iaitu Lembaga Tiang Balai.<sup>118</sup>

Adat Perpatih berusaha mencari penebusan dan penyelesaian bukan hukuman. Falsafah disebaliknya ialah suatu falsafah yang positif iaitu apabila sesuatu kejahatan dilakukan, masyarakat mengalami kerugian. Kiranya orang yang melakukan kejahatan itu dihukum oleh Undang maka masyarakat mengalami kerugian lagi. Oleh itu kecuali jenayah yang paling berat di mana

---

<sup>117</sup>Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 67.

<sup>118</sup>Norhalim Hj. Ibrahim, Adat Perpatih : Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung, hlm. 118.



penjenayah mesti dimusnah atau disingkirkan untuk kebaikan masyarakat, umumnya ia hanya dikehendaki menebus kesalahannya iaitu dengan mengganti rugi kepada mangsa kesalahannya dan mengadakan kenduri sebagai penyelesaian dan pemulihan hubungan berbaik-baik.

Kata perbilangan Adat:

Circang pampas

Bunuh hulur balas

Maksudnya, apabila seseorang melakukan kesalahan melukakan seseorang lain, maka perut atau suku orang yang melakukan itu akan membayar ganti rugi kepada perut atau suku orang yang dilukakan. Dan apabila seseorang membunuh seseorang lain, pembunuh itu atau salah seorang perut atau suku-sukunya akan diserahkan masuk perut atau suku orang yang dibunuhnya sebagai ganti.

Namun, ada juga masanya hukum bunuh dijatuhkan. Hukum bunuh hanya boleh dijatuhkan oleh Yang Dipertuan Besar atau Undang Yang Empat.<sup>119</sup> Lembaga sesebuah suku cuma bertugas sebagai pemungut keterangan dalam kes bunuh dan membawanya ke mahkamah adat yang lebih tinggi untuk dibicarakan. Kata perbilangan adat:

---

<sup>119</sup>Undang Yang Empat terdiri dari Undang Sungai Ujung, Undang Johol, Undang Jelebu dan Undang Rembau.

Tali pengikat pada Lembaga

Keris penyalang pada Undang

Pedang pemancung pada Keadilan

Jika berlaku pembunuhan dalam sesuku, hukumannya ialah menyembelih seekor kerbau dan beras 50 gantang.<sup>120</sup> Isteri pembunuh pula bertanggungjawab membayar segala perbelanjaan pengebumian, meniga hari, menujuh hari, dua kali tujuh, empat puluh dan seratus hari. Jika si pembunuh lari meninggalkan negeri, maka dijatuhkan hukuman "bertolak negeri", iaitu buang dari negeri. Buapak dan Besar si pembunuh didenda oleh Undang kerana cuai "memelihara adat" di dalam kampungnya.

Dalam keadilan di muka pengadilan, seseorang ketua adat jika melakukan kesalahan tidak dihukum terang-terangan seperti anggota masyarakat biasa. Jika ia dihukum terang-terangan, seluruh kampung yang diketuainya, malah seluruh sukunya, akan turut merasa malu. Jika salah seorang anggota sukunya sendiri meminta ia dihukum terang-terangan, ini adalah

Menepuk air di dulang

Mengoyak baju di dada

---

<sup>120</sup>Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 130.

Dalam masyarakat yang begini, "malu tidak berbelah bagi", "malu seorang malu semua" dan "sebab nila setitik rosak susu sebelanga". Oleh itu, jika seseorang ketua adat didapati terlibat melakukan kesalahan dahagi<sup>121</sup> maka ia akan diminta meletakkan jawatan dengan memberi alasan uzur dan sebagainya. Dia juga tidak dikehendaki meminta ampun di khalayak ramai, memadai secara peribadi dan tertutup. Sebagaimana kata perbilangan:

Mamak salah menyembah malam

Kemanakan salah menyembah siang

Kecuali apabila ketua adat telah memberitahu kepada seseorang dari anak buahnya dengan membusukkan nama anak buahnya itu di luar kumpulannya. Dalam hal yang demikian ketua adat itu boleh dihukum atau disuruh meminta ampun di khalayak ramai.

#### 4.1.3 Keadilan Dalam Agama

Pengamal-pengamal warisan Adat Perpatih menganggap Adat Perpatih sebagai suatu sistem adat yang unggul. Namun dengan kedatangan agama Islam, falsafah keadilan Islam adalah jauh lebih unggul. Kemurnian ajaran agama Islam itu telah menyebabkan lahirnya keinginan di kalangan masyarakatnya untuk memadukan ajaran agama Islam

---

<sup>121</sup>Dahagi ialah dengan sengaja membawa tuduhan palsu ke atas anak buah.

ke dalam adat mereka. Ini kerana kedua-duanya mempersoalkan tentang kebaikan. Pada adat, menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik. Pada syarak pula menyuruh berbuat baik dan menegah berbuat jahat.<sup>122</sup>

Adat mengakui bahawa dalam hal menghukum atau membuat pertimbangan, ia tidaklah pula mengeneipkan hukum syarak. Kedua-duanya diibaratkan sebagai:

Seiring sejalan

Seayun selinggang

Mana-mana yang dijalankan bagi memelihara negeri dinamakan aturan adat dan yang berkaitan dengan agama dinamakan hukum syarak. Dari itu terdapat kata-kata.<sup>123</sup>

"Aturan adat itu ibarat cermin yang tidak kabur, pelita yang tidak padam dan hukum syarak itu ibarat suluh yang terang".

Hukum Adat Perpatih adalah kuat kerana ia terletak di atas sendi hukum yang menuju kebenaran. Kebenaran yang mutlak berada di dalam agama yang bersumberkan kitab

---

<sup>122</sup>M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Penerbit Bulan Bintang, Djakarta, 1971, hlm. 24.

<sup>123</sup>Md. Sharif bin Fakeh Hassan, "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau". Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10 12hb. April 1974, hlm. 10.

Allah iaitu Al-Quran. Ini dijelaskan dalam kata adat di bawah:

Adat bersendi Hukum

Hukum bersendi Kitabullah

Perbilangan ini amat penting bagi pemegang adat dan kepada semua tokoh adat kerana di sinilah pertemuan antara adat dan agama. Penyelarasan antara keduanya harus diusahakan supaya ketua adat dan ulama Islam dapat bergerak seiringan dalam melaksanakan undang-undang negeri. Sekalipun perlaksanaan kata adat di atas tidak selicin dan semurni maksudnya tetapi ia telah pun menjadi tenaga pendorong ke arah Hukum Allah.

Adat memandang agama Islam sebagai sesuatu yang baik iaitu sesuai dengan perpatah:

Besi yang baik diringgiti

Sebab itulah hampir semua konsep Islam diterima oleh Adat dan segala adat yang terkurang dalam agama diketepikan. Maka menjadi tanggungjawab ketua-ketua adat menyekat dan melarang rakyatnya mengamalkan segala adat-istiadat yang karut-marut serta bid'ah yang bertentang dengan Islam. Ini kerana, dalam apa jua peristiwa adat, syarak tidak ditinggalkan termasuk dalam nikah kahwin dan sebagainya<sup>124</sup>

---

<sup>124</sup>Hashim A. Ghani, "Kata Perbilangan dan Tafsirannya", hlm. 13.

Selesai permainan dengan sorak

Menghabisi Adat dengan emas

Menyudahi syarak dengan doa

Hukum yang tersebut di dalam agama Islam itu tidaklah dijalankan secara langsung sahaja tetapi melalui muafakat. Dan ini jelas disebutkan dalam perbilangan adat:

Syarak mengata adat memakai

Syarak yang lazim adat yang qawi

Setelah hukum syarak itu dibawa ke dalam musyawarah dan dipersetujui maka mulailah terjadi undang-undang adat. Pembaharuan jelas pada hukum adat setelah Islam dibawa masuk, misalnya:

Adat bersendi syarak

Syarak bersendi adat

Syarak mengata

Adat memakai

Masjid sebuah

Balairong seruang

Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa kedatangan Islam ke Negeri Sembilan adalah sebagai menyempurnakan adat yang sebelumnya adalah hanya berdasarkan ketentuan alam sahaja.

## 4.2 Rumusan

Undang-undang Adat Perpatih adalah mencerminkan falsafah keadilan di Negeri Sembilan. Falsafah keadilan yang sedia ada pada Adat Perpatih cenderung ke arah keadilan yang bersifat diplomasi. Misalnya:

Tegang berjela-jela

Kendur berdenting-denting

Keadilan secara diplomasi ini pada dasarnya memilih jalan tengah dalam sebarang tingkah laku dan penyelesaian.

Berat sama dipikul

Ringan sama dijinjing

Dalam falsafah keadilan, yang elok ialah anggota-anggota yang patuh pada hukum-hukum adat yang dikuatkuasakan oleh ketua-ketua adat. Yang menyiksa diri ialah orang yang menentang hukum tersebut. Mereka diibaratkan sebagai:

Bujur lalu, lintang patah


Kepatuhan kepada hukum adat ini dikuatkan lagi dengan hukum syarak. Oleh itu, hukum adat pada masyarakat Adat Perpatih merupakan sistesis dari hukum alam, hukum manusia dan hukum Allah. Ini dijelaskan dalam perbilangan sebagai:

Pertama adat mensiang iaitu terjali

Kedua adat tiang iaitu Adat berkebulatan

Ketiga adat kitabullah iaitu hukum Quran.





# **BIBLIOGRAFI**

## BIBLIOGRAFI

- A.A. Navis. 1986. Alam berkembang jadi guru: Adat dan kebudayaan Minangkabau. Jakarta: PT Pustaka Grafitipers.
- Abbas Hj. Ali. 1953. Rembau: Sejarah perlembagaan adat dan istiadatnya. Johor: Pejabat Cetak Kerajaan Johor.
- Abdul Kadir Ismail dan Abdul Monir Yaacob. 1983. Harta sepercarian menurut pandangan Islam. Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Kadir Yusof, 1972. Mengenai Adat Perpatih. Dewan Masyarakat. April: 39.
- Abdul Rahman Hj. Mohammad. 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1970. Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari sejarah dan kebudayaan. Negeri Sembilan: Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1974. Kemurniaan dalam Adat Perpatih. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia, Negeri Sembilan. 10 - 12hb. April.
- Abdullah Siddik. 1974. Pengantar undang-undang adat di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmed Ibrahim dan Alilemah Joned. 1992. Sistem undang-undang di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Buyong Adil. 1981. Sedjarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Idrus Hakimy Dt. Raja Penghulu. 1984. Adat Minangkabau basandi syara', syara' basandi kitabullah dalam pembangunan masyarakat adat. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri. Anjuran Universiti Pertanian Malaysia, Kerajaan Negeri Sembilan dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. 3-5hb. Mei.
- Hj. Mustafa Hj. Ahmad. 1974. Adat dan syara' di Negeri Sembilan. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- Hamka. 1963. Minangkabau menghadapi revolusi. Jakarta: Penerbitan Firma Tekad.

- Harun Mat Piah. 1989. Puisi Melayu Tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim A. Ghani. 1974. Kata perbilangan dan tafsirannya. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia, Negeri Sembilan. 9-12hb April.
- Hilman Hadikusuma S.H. 1981. Hukum ketatanegaraan adat. Bandung: Penerbit Alumni.
- Hooker, M.B. 1970. Reading in Malays adat laws. Singapore: Singapore University Press.
- Hooker, M.B. 1972. Adat laws in modern Malays. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Idris Yahya. 1975. Perpecahan tanah dan masalahnya. Dewan Masyarakat. Jan: 24.
- Ismail Hamid. 1988. Masyarakat dan budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Josselin de Jong, P.E. 1952. Minangkabau and Negeri Sembilan. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Kamarulzaman Abd. Kadir. 1984. Perbilangan Adat Perpatih ditinjau dari segi keindahan bahasanya. Seminar Kebangsaan dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Anjuran Universiti Pertanian Malaysia, Kerajaan Negeri Sembilan dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. 3-5hb Mei.
- Mansur Hj. Jamaluddin. 1974. Konsep harta di dalam sistem Adat Perpatih. Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- M.D. Mansoer, Amrin Imran, Mardanas Safuan, Asmaniar, Z. Idris dan Sidi I. Buchari. 1970. Sedjarah Minangkabau. Jakarta: Bhratara.
- Md. Sharif Fakeh Hassan. 1974. Sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan kaitannya di Minangkabau. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- Miriam Budiardjo. 1975. Masalah kenegaraan. Jakarta: Gramedia.
- M. Nasroen. 1971. Dasar falsafah adat Minangkabau. Djakarta: Penerbit Bulan Bintang.

- Mochtar Naim. 1979. Merantau pola migrasi suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mohamed Din Ali. 1957. Sambaan chakap dan perpatah adat Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd. Dahlan Mansoer. 1974. Minangkabau dan Negeri Sembilan: Tinjauan dan kaitan sejarah dan kebudayaan. Seminar Persejajaran dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- Mohd Shah b. Hj. Lassim dan Norhalim b. Hj. Ibrahim. 1984. Tanah-tanah terbiar: Satu cadangan pembangunan. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. 3-5hb. Mei.
- Mohd. Yusof Md. Nor. 1985. Perlambangan dalam perbilangan Adat Perpatih: Satu pandangan umum. Sari. Julai: 131-132.
- Nordin Selat. 1978. Renungan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nordin Selat. 1982. Sistem sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1984. Sistem sosial adat Negeri Sembilan. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Anjuran Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. 3-5hb. Mei.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1988. Negeri Sembilan sebagai Identiti sosio-politik yang unik. Seminar Identiti Budaya Negeri Sembilan. Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, Negeri Sembilan.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. Adat Perpatih: Perbezaan dan persamaan dengan Adat Temenggung. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Othman Hj. Ishak. 1981. Fatwa dalam perundangan Islam. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Othman Hj. Ishak. 1982. Hubungan antara undang-undang Islam dan undang-undang adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim Syam Norhale. 1985. Mendekati Kebudayaan Melayu. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.

- Shamsul Amri Baharuddin. 1974. Politik Adat Perpatih. Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- Shellabear, W.G. Tanpa tarikh. Sejarah Melayu. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Taha Abd. Kadir. 1980. Masyarakat Adat Perpatih kontemporari di Negeri Sembilan dalam menghadapi perubahan sosio-ekonomi. Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau.
- Taylor, E.N. 1929. Customary law of Rembau. JMBRAS, Vol. VII: 8, 40.
- Winstedt, R.O. 1934. Negeri Sembilan: The history, polity and belief at the nine states. JMBRAS. October: 42-44.
- Zakiah Hanum. 1989. Asal-usul negeri-negeri di Malaysia. Kuala Lumpur: Times Books Internasional.
- Zainal Abidin Ahmad. 1964. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. 1969. Sistem kekeluargaan di Melaka Utara. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainal Kling. 1985. Pengaruh Kebudayaan Minangkabau di Malaysia. Seminar Kebudayaan Minangkabau di Bukit Tinggi, Sumatera, Indonesia. 19-20hb. Ogos.